



26 FEB, 2025

Tenaga biomas sawit bakal disepadukan ke grid nasional

Berita Harian, Malaysia



Tenaga biomas sawit bakal disepadukan ke grid nasional

Langkah seiring sasaran sifar karbon bersih negara pada 2050

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Kerajaan merancang menyepadukan tenaga boleh baharu (RE) yang dihasilkan daripada industri sawit ke dalam grid nasional menerusi kerjasama dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata langkah itu sejajar dengan sasaran sifar karbon bersih negara menjelang 2050 serta peralihan daripada loji jana kuasa arang batu.

Sebagai pengeluar sawit kedua terbesar dunia, Malaysia memiliki jumlah sisa buangan sawit yang besar seperti tandan kosong dan tempurung isirung kelapa sawit yang berpotensi dijadikan tenaga biomas.

"Selain menyokong peralihan Malaysia kepada tenaga bersih, RE membuka peluang besar kepada pelaburan langsung asing (FDI).

"Ini menjadikan Malaysia destinasi strategik bagi pelabur yang berminat menyertai peralihan kepada penyelesaian tenaga mampan dan rendah karbon.

"Sektor sawit mempunyai potensi besar memandangkan Malaysia memiliki 450 kilang pemproses kelapa sawit di seluruh negara.

"Setiap kilang berkapasiti 60 tan sejam mampu menjana antara lima hingga tujuh Megawatt (MW) elektrik.



Johari mencuba kopi yang disediakan robot selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Prospek Harga Minyak Sawit dan Laurik Ke-36 (POC2025) di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

"Jika dimanfaatkan sepenuhnya, jumlah tenaga yang dijana daripada industri ini boleh melebihi 2,000 MW, satu tambahan yang signifikan kepada bekalan tenaga negara," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Prospek Harga Minyak Sawit dan Laurik Ke-36 (POC2025) di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar.

Johari berkata, inisiatif itu membuktikan bahawa Malaysia boleh memperoleh RE tanpa memerlukan perbelanjaan besar daripada kerajaan atau TNB.

"Apa yang diperlukan adalah usaha TNB dan ST untuk mengenal pasti kilang yang bersedia disambungkan kepada grid. Jika sambungan grid tersedia, kelebihan tenaga boleh dijual kembali.

"Sebagai contoh, jika sebuah kilang menghasilkan tujuh MW, tetapi hanya menggunakan tiga MW, baki empat MW boleh disalurkan ke grid nasional.

"Namun, ketika ini, kebanyakan kilang sawit tidak melakukannya kerana tiada sambungan grid menyebabkan tenaga itu terbuang begitu sahaja," katanya.

Minat pelabur meningkat

Beliau turut mendedahkan bahawa minat sektor swasta terhadap pelaburan dalam tenaga daripada sisa sawit semakin meningkat, dengan syarikat bersedia membiayai pembangunan infrastruktur tenaga dalam sektor perladangan itu.

"Sudah ada pelabur yang menyatakan minat, bukan hanya dalam perniagaan kelapa sawit, tetapi lebih kepada sektor tenaga berkaitan sisa sawit.

"Mereka melihat potensi pelaburan kukuh dalam menukar biomas sawit kepada tenaga elektrik," katanya.

Dalam pada itu, Johari menegaskan bahawa penanaman semula adalah komponen penting dalam memastikan kelestarian serta produktiviti jangka panjang industri sawit negara.

"Pada 2024, Malaysia hanya berjaya menanam semula 114,000 hektar, turun daripada 132,000 hektar pada 2023. Angka ini jauh lebih rendah daripada sasaran yang disyorkan, iaitu sekurang-kurangnya 4.0 peratus setahun atau sekitar 255,000 hektar.

"Kegagalan mencapai sasaran ini boleh menjejaskan masa depan industri kerana pokok sawit yang semakin tua menghasilkan hasil lebih rendah serta kurang cekap," katanya.

Bagi mengatasi cabaran itu, kerajaan memberi keutamaan kepada penggunaan bahan tanaman berkualiti tinggi dengan memastikan pekebun kecil menerima varieti Tenera Hybrid, yang lebih baik berbanding jenis berkualiti rendah yang boleh menjejaskan hasil jangka panjang.

Johari turut menekankan kepentingan menyokong pekebun kecil yang menguruskan kira-kira 1.5 juta hektar ladang sawit, tetapi sering berdepan cabaran akibat kekurangan skala dan pengetahuan.